



30

MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 01/2020

Rujukan : Bil (30) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

03 Januari 2020

Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

SILING TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA 2020

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa setelah mengambilkira perbelanjaan sebenar tahun 2019 dan pergerakan gaji tahun 2020, pihak Majlis telah menetapkan Siling Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi setiap jabatan untuk tahun 2020 adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Satu perbincangan telah diadakan dengan semua Jabatan untuk penetapan siling dengan mengambilkira perbelanjaan sebenar untuk tempoh 3 tahun kebelakang. Oleh itu, setiap Ketua Jabatan perlu memastikan tuntutan Elaun Lebih Masa jabatan masing-masing adalah terkawal dan mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan terutama dalam menentukan tuntutan yang dibuat tidak melebihi siling peruntukan yang telah diberikan.


4. Peruntukan tahunan yang diberikan kepada setiap jabatan adalah **MUKTAMAD**. Mulai tahun 2020, permohonan peruntukan tambahan tidak dibenarkan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak dan tidak dijangka, jabatan perlu menyediakan satu kertas kerja untuk dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Majlis untuk kelulusan. Bagi memastikan peruntukan mencukupi sehingga hujung tahun, perancangan perlu dibuat di peringkat awal tahun di mana sebahagian Elaun Lebih Masa boleh diganti dengan Cuti Rehat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

"MENUJU PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020"


(MOHD ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA)
Setiausaha Bandaraya

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"